

22/04/2001

Pemimpin kaya tidak boleh tanding: Dr M

Mutazar Abd Ghani; Hassan Omar

JITRA: Pemimpin terlalu kaya tidak akan dibenarkan bertanding merebut jawatan penting pada peringkat bahagian dan cawangan Umno sebagai langkah membendung amalan politik wang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah itu diambil kerana golongan terbabit suka menggunakan kekayaan mereka untuk mempengaruhi keputusan (undi) yang dibuat oleh perwakilan.

"Jika orang Melayu begitu mudah menerima wang untuk jual sokongan, mereka satu hari nanti akan jual bangsa apabila ada pihak mahu beli mereka.

"Oleh itu, kita akan kaji setakat mana kita boleh halang orang kaya daripada menjadi ketua atau bertanding sebagai ketua kerana golongan ini suka guna kekayaan mereka untuk mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh wakil.

"Cadangan mengenai perkara itu akan dibincang lebih lanjut dalam mesyuarat Majlis Tertinggi akan datang," katanya di majlis perasmian persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini, semalam.

Beliau berkata, cadangan itu adalah antara usaha mengelak pertandingan sengit pada peringkat berkenaan, termasuk penggunaan wang untuk memenangi jawatan tertinggi peringkat bahagian dan cawangan.

Ditanya mengenai takrifan kaya kerana kekayaan adalah sesuatu yang subjektif, Dr Mahathir berkata; "Kita akan kaji, mungkin ada orang yang kaya tapi tak guna duit."

Presiden Umno bimbang golongan itu juga akan menggunakan kedudukan untuk meningkatkan kekayaan mereka.

"Mereka berpendapat jika dapat jawatan, mereka akan turut dapat kemudahan daripada kerajaan," katanya.

Beliau percaya perebutan untuk menjadi ketua bahagian dan cawangan antara lain untuk mendapatkan kontrak melaksanakan projek kerajaan.

Sehubungan itu, ahli Umno yang dipilih menjawat pelbagai peringkat ketua dalam parti itu pada masa depan mungkin tidak lagi dipertimbangkan memperoleh kontrak kerajaan.

Dr Mahathir berkata, ada kecenderungan di kalangan ahli Umno terutama yang bertanding jawatan ketua bahawa mereka akan mendapat layanan istimewa sekiranya dipilih memegang jawatan itu, termasuk memperoleh kontrak kerajaan.

"Sehubungan itu, kita mencadangkan mereka yang akan dipilih menjadi ketua akan disenarai hitam daripada memperoleh kontrak kerajaan.

"Bila mereka jadi ketua bahagian, cawangan...kita (Umno) tak akan beri kontrak kerajaan kepada mereka. Peraturan yang sama akan juga meliputi pemimpin sedia ada.

"Ramai yang bertanding dan ingin jadi ketua kerana mereka berpendapat dengan memegang jawatan ini, mereka akan dapat layanan istimewa," katanya sambil menambah cadangan itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno sebelum dilaksanakan.

Diminta mengulas ucapannya yang menyebut ada calon Umno di bahagian tertentu menggunakan ahli pembangkang untuk menyokong mereka, Dr Mahathir berkata;

"Saya dengar cerita, betul tak betul saya tak tau. Tapi ada orang yang jelas bukan ahli parti (Umno), tapi ambil bahagian (dalam mesyuarat Umno).

"Saya tak tau macam mana ini berlaku tapi itu maklumat saya terima," katanya sambil menambah Umno akan mencari jalan untuk menghalang golongan

terbabit daripada menghadiri mesyuarat Umno, sama ada pada peringkat bahagian atau cawangan.

Pembangkang terbabit dipercayai terdiri daripada bekas ahli Umno yang keahlian mereka (dalam Umno) masih belum dipotong.

Mengenai laporan gangguan di Bahagian Kubang Pasu, katanya, beliau ada mendengar laporan berkenaan (mengenai politik wang), tetapi tiada yang khusus dan beliau tidak mempunyai bukti.

Dr Mahathir menegaskan, walaupun berlaku masalah politik wang di bahagian tertentu di seluruh negara, secara keseluruhannya ia tidak berleluasa.

(END)